

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 25 OGOS 2020 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rasional pemilikan rumah oleh warga asing diturunkan daripada RM1 juta kepada RM600 ribu sedangkan masih ramai rakyat Malaysia yang tidak mempunyai rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), bagi Suku Pertama 2020 terdapat 3,876 unit rumah yang berharga RM1 juta dan ke atas dengan nilai RM7.9 bilion tidak terjual di negara ini. Sehubungan itu, penjualan rumah mewah kepada warga asing dapat mengurangkan lambakan unit rumah sedia ada serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya.

2. Penetapan harga penjualan hartanah mewah kepada warga asing adalah berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) iaitu **Garis Panduan Perolehan Hartanah yang berkuat kuasa mulai 1 Mac 2014**, dengan merujuk kepada hartanah bernilai RM1 juta dan ke atas. Warga asing hanya dibenarkan untuk membeli hartanah bernilai RM1 juta ke atas sahaja. Walau bagaimanapun, melalui Belanjawan 2020 yang telah diumumkan oleh mantan YB Menteri Kewangan, telah menurunkan had milikan warga asing **daripada RM1 juta kepada RM600,000** tetapi bagi **kondominium dan pangsapuri sahaja** dan tidak termasuk lain-lain kategori perumahan.

3. Meskipun begitu, setiap Kerajaan Negeri turut mempunyai dasar masing-masing mengenai pemilikan hartanah oleh warga asing dan tidak tertakluk kepada pengumuman Belanjawan 2020 tersebut.

Sekian, terima kasih.